

17/05/1998

Sungai Pencala diancam projek pembangunan

Tajuddin Saman

"DULU untuk membina rumah dan meneroka tanah bukan macam sekarang. Semua kerja kita lakukan sendiri menggunakan tulang empat kerat," kata Noraini Malim Muda, 90, sewaktu menceritakan latar belakang Kampung Sungai Pencala.

Noraini yang dipercayai penduduk paling tua di Sungai Pencala, mendakwa kampung itu dibuka kira-kira 72 tahun lalu oleh Allahyarham suaminya, Ismail Engku Marhum.

Menurutnya, arwah suaminya dan seorang rakan, Sabirin, meneroka kawasan itu sekitar 1926 selepas mengembara dari Bukit Tinggi, Sumatera.

"Mereka menebang dan menebas hutan itu secara bersendirian. Dulu mana ada pekerja macam sekarang. Semua kerja kita lakukan sendiri," katanya mengimbau perit getir suaminya meneroka kawasan itu.

Noraini bagaimanapun berkata, beliau hanya mengikut suaminya ke kampung itu sekitar awal 30-an selepas Ismail mendirikan rumah di situ.

Sejak itu, katanya, beliau dan suami bercucuk tanam untuk menyara kehidupan seharian.

Noraini yang dikurniakan lapan anak, berkata sebelum suaminya meneroka kampung itu, tempat itu didiami oleh Orang Asli dan tanah di situ kemudian diambil kerajaan.

"Suami saya membeli sebidang tanah seluas dua ekar daripada kerajaan dengan harga RM180 pada sekitar 1920-an dan menerokanya dengan menebang pokok kayu besar dan hutan rimba untuk ditanam getah," katanya.

Beliau berkata, nilai RM180 itu mungkin kecil sekarang, tetapi pada 1920-an, jumlah itu dikira amat besar. "Dulu kita belanja satu sen pun sudah boleh makan sampai kenyang," katanya.

"Walau berapa juta pun mahu diberi, saya tidak mahu menjualnya. Biarlah tanah ini terus tinggal dan kekal pada anak cucu supaya mereka dapat mengenang susah payah kami membina rumah ini," katanya merujuk isu projek lebuh raya Pencala Link yang dikatakan akan dibina melintasi kampung itu.

Noraini berkata, beliau sudah tinggal di kampung itu kira-kira 70 tahun dan hingga kini, sudah empat generasi keturunannya mendiami kampung itu manakala suaminya meninggal dunia dua tahun lalu pada usia 94 tahun.

"Kami tidak ada tempat lain lagi. Di sinilah tempat kami hidup dan di sini juga tempat kami ingin mati," katanya sambil meminta kerajaan membatalkan projek itu yang dikhuatiri memusnahkan suasana perkampungan dan mengancam sistem ekologi di situ.

Seorang lagi penduduk, Siti Zaharah Sabirin, 55, yang lahir di kampung itu pula berkata beliau tidak tahu ke mana hendak pergi jika projek itu diteruskan.

Menurut beliau, sejak suaminya, Dasiman Udin, meninggal dunia pada 1974 dia membesarkan anaknya di kampung itu. Dia dan anak-anak tinggal di rumah pesaka peninggalan arwah bapanya, Sabirin, yang dibina pada 1928.

Seorang janda, Baiyah Lodi, 55, juga terkejut apabila diberitahu sebuah terowong lebuh raya itu akan dibina melalui kawasan bawah rumahnya yang dikelilingi 30 hingga 40 pokok durian yang memberinya rezeki setiap tahun.

Baiyah mempunyai lima anak dan suaminya, Miruddin Amat, meninggal dunia pada 1984. Beliau turut menjaga ibunya, Baani Naud, 80.

Beliau berkata, meskipun terpaksa bertungkus-lumus mencari rezeki untuk hidup tetapi tanah pesaka itu tidak akan dijual.

Ketua Wanita Umno Kampung Paling Bayan, Pencala, Juriah Ismail, 62, berkata bagi keluarganya pula kampung itu mempunyai banyak keistimewaan,

apa lagi sudah empat generasi keturunannya menetap di situ.

Sementara itu, Ketua Umno cawangan Kampung Paling Bayan, Damansara, Chek Rus Dollah, 58, berkata penduduk di situ akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekiranya Unit Perancang Ekonomi (UPE) tidak memberi keputusan muktamad me-ngenai kedudukan projek Pencala Link.

Menurutnya, wakil penduduk sudah menemui pegawai tertinggi UPE di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Rabu lalu, tetapi pihak berkenaan mendakwa tidak tahu menahu mengenai projek berkenaan, sedangkan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu menerusi laporan media, menyatakan projek itu akan tetap dilaksanakan.

(END)